

19 DEC 2002

Sorotan-Hal Ehwal Luar

2002: TAHUN YANG DIDOMINASI PERANG TERHADAP KEGANASAN

Oleh: Abdul Muin Abd Majid

KUALA LUMPUR: Ia bermula pada 11 Sept 2001 dan semasa letupan bom di Bali setahun kemudian, perang menentang keganasan masih mendominasi hal ehwal antarabangsa pada 2002 dengan kerajaan-kerajaan berdepan dengan musuh yang tidak kenal sempadan.

Perang menentang keganasan yang diterajui Amerika Syarikat menyaksikan sebuah negara musnah, beberapa lagi dicap sebagai negara penganas, orang ramai diperiksa rapi berdasarkan kewarganegaraan dan agama mereka, dan negara-negara mengeluarkan peringatan amaran lawatan dengan melulu sehingga menjejaskan imej dan ekonomi negara-negara lain.

Malah, liku-liku dalam perang antarabangsa menentang keganasan selari dengan kisah fiksyen John Le Carre. Bezanya, kali ini, apa yang terjadi benar-benar berlaku.

Malaysia dan seluruh Asia Tenggara mendapati diri mereka terjerat dalam rangkaian penganas dengan penemuan sel-sel penganas yang didakwa mempunyai kaitan dengan kumpulan Al-Qaeda yang dituduh Amerika bertanggungjawab ke atas serangan 11 Sept 2001 di New York dan Washington yang menyebabkan lebih kurang 3,000 orang terbunuh.

Dan, yang paling mengecewakan, Malaysia menjadi perhatian antarabangsa apabila timbul maklumat bahawa penganas yang dikaitkan dengan serangan di Amerika itu telah beberapa kali mengadakan pertemuan di Kuala Lumpur.

Media antarabangsa menghebohkan kepada dunia yang Malaysia bertindak sebagai "tapak pelancaran" utama bagi serangan di Amerika sehinggalah Pengarah Biro Siasatan Persekutuan Amerika (FBI) Robert S. Mueller III menafikan tuduhan itu semasa lawatan beliau ke sini pada Mac.

TANGANI PUNCA KEGANASAN

Walaupun Amerika menurunkan seluruh kekuatan tenteranya di Afghanistan selepas tragedi 11 Sept untuk memburu anggota al-Qaeda yang diketuai oleh militan Arab Saudi, Osama bin Laden, Malaysia pula berpendapat punca akar umbi keganasan mesti ditangani terlebih dahulu jika mahu membanteras gejala itu.

Pendapat itu diulangi di pelbagai forum antarabangsa yang disertai oleh Malaysia dan yang paling lantang menyebarkan pendirian itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri.

Beliau membawa pendirian itu ke White House semasa pertemuan empat mata bersama Presiden George W. Bush. Pemimpin Amerika itu mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana sokongannya dalam memerangi keganasan.

Washington dan Kuala Lumpur juga menandatangani satu pakatan anti-keganasan yang antara lain membolehkan pertukaran maklumat dan risikan antara kedua-dua pihak.

KERJASAMA DENGAN WASHINGTON

Malaysia dan Amerika telah berkongsi maklumat dan telah bertindak terhadap penganas yang disyaki lama sebelum tragedi 11 Sept.

Di New York, Dr Mahathir melawat "Ground Zero", di mana sebelum insiden 11 Sept itu menara berkembar Pusat Dagangan Dunia (WTC) berdiri megah dan antara mercutanda penting di bahagian Manhattan.

Dalam mengotakan janjinya, Kuala Lumpur membenarkan FBI menyiasat Yazid Sufaat, yang berada dalam tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Yazid didakwa mempunyai hubungan dengan Zacarias Moussaoui, seorang warga Perancis keturunan Maghribi yang kini menghadapi pertuduhan di

Amerika berhubung serangan 11 Sept.

Pada Oktober, Malaysia juga menghantar pulang Ahmed Ibrahim Bilal, seorang warga Amerika yang menuntut di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) selepas pihak berkuasa Amerika membatalkan pasportnya kerana disyaki sebagai pengganas.

Komitmen negara dalam memerangi keganasan mencapai tahap baru apabila ia bersetuju untuk mewujudkan sebuah pusat di Kuala Lumpur bagi menyelaras usaha membanteras keganasan di Asia Tenggara, satu idea yang diilhamkan oleh Setiausaha Negara Amerika Colin Powell semasa beliau melawat Malaysia pada Julai lepas.

Seperti yang dinyatakan oleh para pemimpin kerajaan dan penganalisis, memerangi keganasan bukan sesuatu yang baru bagi Malaysia yang berjaya menentang ancaman pengganas komunis dan bertindak tegas terhadap elemen pelampau dalam negara yang cuba mengugat ketenteraman awam dan menggulingkan kerajaan yang dipilih melalui keganasan, walaupun sebelum 11 Sept.

DARI BALI KE AFRIKA

Dengan perang menentang keganasan tersebar ke seluruh dunia bersama kekhuatiran Iraq mungkin diserang oleh pakatan tentera yang diketuai oleh Amerika, dunia sekali lagi dikejutkan -- kali ini letupan bom di Bali pada 12 Okt lepas yang menyebabkan hampir 200 orang terbunuh, hampir separuh daripada mereka warga Australia.

Letupan bom itu menyebabkan Indonesia, yang lama dituduh tidak serius dalam perang terhadap keganasan, menjadi tumpuan antarabangsa dan menyebabkan kerajaan-kerajaan Barat mengeluarkan peringatan amaran lawatan supaya mengelakkan Asia Tenggara.

Langkah itu dengan sebulat suara dikecam oleh Asean, perkumpulan serantau 10 negara itu, yang dalam sidang kemuncak ke 8 di Kemboja pada November lepas memutuskan untuk mengadakan sidang ke 9 tahun depan di Bali dalam menunjukkan perpaduannya dengan Indonesia.

Dan Dr Mahathir meradang ekoran satu kenyataan Jabatan Negara Amerika bahawa Malaysia kemungkinan menjadi sasaran serangan ala Bali, menyebabkan beliau berkata kenyataan itu bertujuan mensabotaj ekonomi negara ini.

JUALAN AIR KEPADA SINGAPURA

Satu lagi isu yang menerima liputan meluas tahun ini ialah pertikaian mengenai perjanjian bekalan air antara Malaysia dan Singapura, dengan kedua-dua pihak berbalas tuntutan merentasi tambak.

Yang menjadi punca pertikaian ialah hasrat Kuala Lumpur untuk menaikkan harga air mentah yang ia jual kepada republik pulau itu di bawah dua perjanjian yang ditandatangani pada 1961 dan 1962 yang masing-masing akan tamat pada 2011 dan 2061.

Kedua-dua pihak dijangka balik ke meja rundingan awal tahun depan.

Tindakan Malaysia menghantar pulang pekerja tanpa izin Indonesia dan Filipina juga menjadi tajuk utama dengan keputusan Kuala Lumpur untuk memenjara dan merotan mereka yang ditangkap tanpa sebarang dokumen perjalanan mendapat bantahan pihak tertentu.

Tindakan membakar "Jalur Gemilang" di pintu Kedutaan Malaysia di Jakarta pada Ogos oleh kumpulan yang mengadakan tunjuk perasaan mencetuskan reaksi marah di sini tetapi keadaan reda apabila Menteri Sumber Manusia dan Transmigrasi Indonesia Jacob Nuwa Wea mengecam tindakan itu.

Manila pula menuduh rakyatnya yang ditahan sebelum dihantar pulang dianiaya oleh pihak berkuasa Malaysia. Keadaan bertambah keruh apabila Filipina mendakwa seorang gadis berusia 13 tahun dirogol semasa berada dalam depot tahanan sementara di Sabah.

Ini menyebabkan Presiden Gloria Arroyo mengutus surat kepada Dr

Mahathir meminta kerajaan Malaysia menyiasatnya.

Semasa siasatan dijalankan didapati gadis itu sebenarnya warga Malaysia dan Perdana Menteri meminta Manila supaya memohon maaf kerana membuat tuduhan terburu-buru. Tetapi tiada sebarang perkembangan selepas itu.

Gadis itu kini kembali ke Malaysia selepas perayaan Aidilfitri dan pihak berkuasa akan bertindak memulakan siasatan dan membawa mereka yang bertanggungjawab ke muka pengadilan.

PENGADILAN ANTARABANGSA

Malaysia dan Indonesia juga terbabit dalam tuntutan kedaulatan wilayah di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di The Hague terhadap hak milik kepulauan Sipadan dan Ligitan di perairan Sabah.

Sepanjang perbicaraan selama enam hari yang bermula awal Jun, Malaysia mengemukakan kesnya bahawa kedua-dua kepulauan itu adalah sebahagian daripada sekumpulan pulau di perairan Malaysia, dan mempunyai kaitan ekonomi dan sosial dengan Malaysia.

Pertikaian yang berlarutan sejak 1969 akhirnya selesai Selasa lepas apabila ICJ memutuskan bahawa kedua-dua buah pulau itu adalah milik Malaysia.

Indonesia dan Malaysia sebelum itu telah menandatangani persetujuan bertulis untuk akur dengan sebarang keputusan ICJ. Persetujuan itu membuktikan kepada dunia bahawa pertelingkahan berhubung sempadan boleh diselesaikan secara aman dan beradab.

Walaupun jadual yang sibuk dalam negara, Dr Mahathir melawat banyak negara tahun ini termasuk Britain, Denmark, Rusia, Jerman, Poland, Perancis, Arab Saudi, Libya, Maghribi, Bahrain, India, Pakistan, Brunei, Thailand, Myanmar, Jepun dan Vatican di mana beliau bertemu dengan Pope John Paul II.

Tetapi lawatan paling menarik bagi beliau ialah lawatan selama seminggu ke benua ais Antartika awal tahun ini di atas kapal pemecah ais Rusia. --
Bernama

MAM KGO PR RR AM